

20/02/2001

Pelbagai pihak terus kecam serangan Amerika ke atas Baghdad

KUALA LUMPUR, Isnin - Serangan udara tentera Amerika Syarikat dan Britain ke atas Baghdad, ibu kota Iraq, Jumaat lalu, terus dikutuk pelbagai lapisan masyarakat.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata serangan itu tidak membantu menyelesaikan permasalahan di Iraq dan mengembalikan perdamaian di Timur Tengah, sebaliknya menyebabkan lebih ramai rakyat, terutama kanak-kanak dan wanita, menderita.

"Pada saat kita mencari penyelesaian dan menghapuskan ketidakadilan, dua kuasa besar itu mengambil tindakan sendiri mengebom Baghdad.

"Kekerasan bukan jalan penyelesaian yang boleh membawa perdamaian. Pendirian kita tetap, iaitu sekatan dan keganasan perlu ditamatkan kerana ia tidak menyelesaikan masalah," katanya selepas menerima kunjungan hormat wakil khas kerajaan sementara Timor Timur, Bishop Carlos Felipe Ximenes Belo, di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut mengutuk tindakan Amerika dan Britain mengerahkan jet pejuang tentera mengebom kawasan sekitar Baghdad hingga menyebabkan dua terbunuh dan 20 orang awam cedera.

Serangan itu adalah yang pertama dalam tempoh dua tahun lalu di Baghdad, selain menjadi serangan paling besar sejak Operasi Desert Fox, iaitu kempen pengeboman empat hari pada Disember 1998.

Sementara itu, 150 ahli Pergerakan Pemuda Umno, badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan sekerja bank berkumpul di hadapan Kedutaan Amerika di sini hari ini, bagi menyuarakan bantahan terhadap serangan itu.

Selain mengemukakan memorandum bantahan, beberapa sepanduk bertulis "Stop The Bombing" (Hentikan Pengeboman), "Bush is a Criminal" (Bush penjenayah) dan "Free Iraq" (Bebaskan Iraq), turut dibawa kumpulan berkenaan.

Bagaimanapun, pejabat kedutaan itu ditutup sempena sambutan Hari Washington yang diisytiharkan cuti umum di Amerika. Memorandum bantahan itu hanya diserahkan kepada seorang pegawai kedutaan yang kebetulan berada di sana.

Pengerusi Biro Antarabangsa Pemuda Umno, Dr Shamsul Anwar Sulaiman, berkata memorandum bantahan juga akan diserahkan kepada Suruhanjaya Tinggi Britain di sini, esok.

Penolong Setiausaha pergerakan itu, Zulkifli Mohd Alwi pula berkata masyarakat antarabangsa perlu mengambil tindakan segera bagi menghentikan keganasan di Iraq.

"Amerika dan Britain telah menyalahgunakan kuasa mereka dan jenayah paling besar ini patut dihentikan segera," katanya.

Perhimpunan Belia Sedunia (WAY) yang berpusat di sini, turut menghantar surat bantahan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Koffi Annan, meminta Majlis Keselamatan PBB mendesak Amerika dan Britain menghantar surat tunjuk sebab mengenai serangan berkenaan.

Presiden WAY, Datuk Ali Rustam dalam suratnya berkata, PBB perlu mengambil tindakan drastik terhadap dua kuasa besar itu bagi mengelak serangan itu berulang.

"Sistem PBB sepatutnya menjadi pusat bagi keputusan yang demokratik, tetapi sejak kebelakangan ini, beberapa ahli PBB membuat keputusan autokrat yang mengganggu gugat keamanan dunia," katanya.

Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM) dalam satu

kenyataan pula berkata, serangan mengejut itu menggambarkan sikap Amerika dan Britain yang hanya bertopengkan pembela hak asasi manusia tetapi sebenarnya merekalah penjenayah besar.

"MPMUM menggesa PBB melihat serangan berkenaan sebagai pelanggaran kepada perjanjian gencatan senjata yang dipersetujui kedua-dua pihak selepas Perang Teluk lalu," katanya.

Dalam satu kenyataan lain, Barisan Bertindak Mahasiswa Negara menganggap serangan itu sebagai satu petanda buruk kepada dunia, yang ingin melihat kedamaian dikekalkan.

(END)